

NO. SOALAN: 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH]

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [Temerloh] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci perjanjian projek penubuhan pusat pembelajaran dan Pusat PERMATA yang telah dimeterai antara 1MDB dan Pihak Berkuasa Am Hal Ehwal Islam dan Waqaf, UAE.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Perjanjian Persefahaman yang telah dimeterai antara pihak 1MDB dan Pihak Berkuasa Am Hal Ehwal Islam dan Waqaf, UAE pada 18 Mei 2014 di Abu Dhabi adalah bagi persetujuan untuk menubuhkan sebuah Kompleks Islam yang akan mempunyai:

- (i) sebuah masjid yang akan dibina berdasarkan kesenian rekabentuk yang mirip dengan Masjid Besar Sheikh Zayed (*Sheikh Zayed Grand Mosque*) di Abu Dhabi;
- (ii) sebuah Pusat Pembelajaran Islam (Islamic Learning Centre); dan
- (iii) sebuah Pusat PERMATA.

Penubuhan Kompleks Islam ini adalah sumbangan daripada Pihak Berkuasa Am Hal Ehwal Islam dan Waqaf, UAE kepada Kerajaan Malaysia. Pusat ini akan didirikan di atas tanah 1MDB yang terletak di Bandar Malaysia, Kuala Lumpur dengan pembiayaan sepenuhnya oleh pihak Pihak Berkuasa Am Hal Ehwal Islam dan Waqaf, UAE.

Apabila siap kelak, ianya akan beroperasi sebagai pusat setempat yang boleh digunakan sebagai pusat rujukan dan pembelajaran di dalam bidang Islam.

Pusat ini juga akan dibuka kepada masyarakat sekeliling dan semua individu yang berminat untuk mempelajari dan mendalami Islam.

Penubuhan Pusat PERMATA pula adalah merupakan sebahagian daripada Kompleks Islam tersebut. Pusat ini akan menyediakan beberapa program berasaskan pembangunan pendidikan dan pengupayaan sendiri dalam bidang Islam, khusus kepada kanak-kanak dan remaja. Program pembangunan pendidikan yang akan disediakan akan disesuaikan dengan keseluruhan konsep Kompleks Islam berkenaan.

Sekian. Terima kasih.